Penghasilan inovasi yang di tunjukkan oleh pelajar-pelajar yang terlibat ternyata mampu memberi gambaran bahawa mereka mampu mengembangkan potensi dan kepakaran ke peringkat yang lebih tinggi. Setelah hampir 2 jam diadili oleh ketiga-tiga orang juri, maka dengan rasminya tempat pertama dimenangi oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dengan tajuk projeknya 'Tongkat Ruksah' dengan hadiah wang tunai berjumlah RM 250.00, manakala tempat kedua telah berjaya disandang oleh Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan hadiah wang tunai berjumlah RM 200.00 dengan inovasi yang bertajuk 'EcoPily'. Manakala, tempat ketiga telah dimenangi oleh pelajar dari Jabatan Rekabentuk Komunikasi dan Visual dengan hadiah wang tunai berjumlah RM 150.00 dengan projek 'Solah Doll'. Perasmian penutup program dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Encik Noor Azmi bin Hj. Asmawi. Majlis berakhir pada jam 5.00 petang.



Ketua Jabatan JPA bergambar kenangan bersama semua peserta



Pemenang tempat ketiga produk Solah Doll dari JRKV



Pemenang tempat kedua produk Eco-Pily dari JKE



Pemenang tempat pertama, produk 'tongkat rukhsah'

VISCOM SHOW PERINGKAT JABATAN REKABENTUK & KOMUNIKASI VISUAL, POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

VISCOM SHOW KE 22 telah berlangsung dengan jayanya pada 28-29 Mac 2016 jam 8.30 pagi hingga jam 5.00 petang bertempat di Dewan Laksamana Tunku Abdul Jalil dan Creative Design Centre (CdeC), Politeknik Ibrahim Sultan. Tema VISCOM SHOW yang dipilih bagi tahun 2016 ialah VISTOSO. VISTOSO membawa maksud warna-warni yang memberi erti kepada kepelbagaian warna yang mencorak sesuatu rekaan bagi menambahkan impak ceria serta kebebasan.

Pameran selama dua hari ini dikendalikan oleh para pelajar Kursus Pengurusan Acara (Event Management) semester 5 yang terdiri daripada pelajar-pelajar dari kelas DFP5A dan DFP5B, Program Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian. VISCOM SHOW kali ini



Peserta pameran bergambar bersama pengurusan tertinggi PIS



Majestic Of Recycle

aktiviti sampingan program iaitu Pertandingan Majestic of Recycle dan Deco Art Competition. Majestic of Recycle merupakan pertandingan yang menguji kreativiti para peserta yang terdiri daripada 18 pelajar Kolej Komuniti Pasir Gudang dan Politeknik Ibrahim Sultan secara berkumpulan, dengan mengaplikasikan bahan-bahan buangan seperti surat khabar, kertas, plastik, straw dan sebagainya dalam menghasilkan rekaan pakaian yang menarik. Manakala Deco Art Competition menguji 20 peserta secara individu dari Kolej Vokasional ERT Azidah Johor Bahru dan pelajar-pelajar dari SMK Seri Alam dalam menghasilkan corak dan rekaan sulaman manik di atas *goodies bag*. Semua pemenang kedua-dua



Aktiviti Demo Lukisan

menghimpunkan 202 projek akhir pelajar merangkumi 85 projek akhir pelajar dari Program Diploma Rekabentuk Industri, 59 projek akhir pelajar dari Program Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian serta 58 projek akhir pelajar dari Program Diploma Rekabentuk Grafik.

Penganjuran program yang dikendalikan oleh pelajar Pengurusan Acara semester 5 ini bukan sahaja bagi meraikan para pelajar semester akhir, malah ianya bertujuan memberi pendedahan kepada seluruh jawatankuasa tentang perancangan dan pelaksanaan sesebuah acara dan majlis, selain memberi pengetahuan asas dalam bidang pengurusan acara. Kejayaan penganjurannya secara langsung dapat memenuhi kriteria dan keperluan kursus Pengurusan Acara (VV501) yang diambil oleh pelajar semester 5. Kursus Event Management merupakan latihan amali bagi melatih dan menguruskan modal insan (para pelajar) ke arah pembangunan diri yang dituntut oleh keperluan tenaga kerja profesional masa kini. Sepanjang VISCOM SHOW ke 22, terdapat dua (2) pertandingan telah dijalankan sebagai pertandingan ini menerima trofi dan sijil penyertaan



Pelawat melawat tapak pameran



serta suguhati pertandingan menerima sijil penyertaan.

VISCOM SHOW ke 22 berlangsung dengan jayanya sesuai dengan perancangan. Semoga program seperti ini akan dapat diteruskan pada masa-masa akan datang dengan komitmen dan kerjasama semua pihak sama ada secara langsung mahupun tidak bagi memenuhi keperluan kursus, selain meningkatkan keupayaan para pelajar dalam mempamerkan hasil yang berkualiti



Deco Art Competition

EDUKRAFT 2015: TALK SHOW BICARA SENI BERSAMA PROF. DATO' DR HAJI MUHAMMAD NAJIB BIN AHMAD DAWA

Pada 1 Oktober 2015 (Khamis) satu program Talk Show Bicara Seni bersama Dato' Dr Haji Muhammad Najib bin Ahmad Dawa telah diadakan di Dewan Serbaguna Politeknik Ibrahim Sultan. Program itu diadakan sempena Hari Edukraft 2015 anjuran Politeknik Ibrahim Sultan berkolaborasi dengan Kraftangan Malaysia cawangan Johor Bahru. Program itu berlangsung pada jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 12.00 tengah hari. Objektif utama program itu diadakan adalah bertujuan untuk memupuk minat pelajar Politeknik Ibrahim Sultan terutamanya bagi pelajar jurusan Diploma Rekabentuk Grafik, JRVK untuk mendalami seni kreatif yang pelbagai bidang. Peserta program adalah seramai 191 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar semester 2 jurusan Diploma Rekabentuk Grafik.

Sesi pendaftaran bermula pada jam 8.00 pagi bertempat di Dewan Serbaguna PIS yang diuruskan oleh aji pendaftaran seramai 4 orang. Sesi ceramah dimulakan dengan definisi tajuk 'PENGENALAN KRAF' dalam konteks seni. Pelajar kelihatan teruja serta berminat dengan sesi ceramah itu dan para pelajar mendengar dengan khusyuk sekali. Sesi soal jawab berlaku dengan penuh jaya. Rata-rata soalan yang ditujukan kepada penceramah dijawab dengan baik. Majlis penutup diakhiri dengan sesi perasmian pembukaan Hari Edukraft 2015 dan sesi bergambar bersama penceramah. Program berakhir dengan aktiviti melawat tempat aktiviti kraf dan sesi autograph.



Majlis Menandatangani disempurnakan Oleh Prof Dato' Dr Haji Muhammad Najib bin Ahmad Dawa Dan diiring oleh wakil pengarah En. Nor Azmi bin Asmawi bersama Pengarah Kraftangan Cawangan Johor Bahru Pn. Hajah Rugayah binti Mohd. Salleh serta Ketua Program Rekabentuk Grafik, Pn. Ismalyza binti Mt. Arif.



Penceramah, Prof. Dato' Dr Haji Muhammad Najib bin Ahmad Dawa memberi ulasan bagi 'Pengenalan Kraf.'



Para peserta yang terdiri daripada pelajar politeknik, kolej, sekolah dan industri tekun mendengar ceramah yang disampaikan oleh Prof. Dato' Dr Haji Muhammad Najib bin Ahmad Dawa



INSURANS KEBAJIKAN PELAJAR



Pihak pengurusan pis bersama pihak Saifulbahri Agency dan waris Arwah Wan Muhammad Asyraf bin Wan Azemi

Pada 4 Oktober 2015 telah diadakan majlis penyerahan cek kepada waris Wan Muhammad Asyraf bin Wan Azemi oleh pihak PIS bersama Saifulbahri Agency. Majlis penyerahan cek telah disempurnakan oleh TPSA, KJHEP, Pegawai Timbalan Pengarah (Sokongan Kebajikan, KJ JKM, KJ JPA, KJ Akademik), Kapten Norizam bin JRKV, KJ JMSK, Pegawai LI, dua Sekak kepada ibu arwah, Pn. Paizah wakil Saifulbahri Agency dan tiga bt Ismail. Tujuan majlis ini adalah waris arwah untuk memaklumkan kepada pelajar bahawa mereka dilindungi oleh Secara keseluruhannya majlis insurans Etiqa Takaful yang diuruskan berjalan dengan lancar seperti oleh pihak Saifulbahri Agency. Segala yang dirancangkan dan objektif kebajikan pelajar menjadi keutamaan utama tercapai iaitu menyerahkan-politeknik khususnya pelajar Politeknik kan cek kepada waris Wan Ibrahim Sultan. Pihak-pihak yang Muhammad Asyraf bin Wan hadir dalam majlis tersebut adalah TPA Azemi. Semoga majlis ini diberi keberkatan oleh Allah S.W.T.



Serahan cek tuntutan kematian oleh Pn. Jam'atu Shaaba binti Muhamad Zarkuni, pengarah urusan (Saifulbahri Agency) kepada Kapten Norizam bin Sekak, Timb. Pengarah (SA) Politeknik Ibrahim Sultan



Serahan cek tuntutan kematian oleh kepada Kapten Norizam bin Sekak, Timb. Pengarah (SA) PIS kepada ibu arwah Wan Muhammad Asyraf bin Wan Azemi, pelajar JKM

KURSUS PRA PERKAHWINAN DI POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ibrahim Sultan dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar serta Bahagian Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Johor telah menganjurkan kursus pra perkahwinan yang bertempat di Dewan Kuliah Utama Politeknik Ibrahim Sultan. Seramai 104 orang peserta beserta 8 orang urusetia telah terlibat dalam menjayakan program ini.

Antara objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal tentang alam perkahwinan kepada yang ingin berumah tangga serta memberi panduan kepada peserta tentang cara menguruskan proses perkahwinan bermula daripada permohonan pernikahan sehingga ke hari pernikahan. Di samping itu, program ini juga memberi panduan bagi persiapan diri untuk menghadapi alam perkahwinan dan tanggungjawab membentuk sebuah keluarga serta menguruskannya. Di samping menyenaraikan panduan bagi menghadapi konflik di alam rumah tangga dan cara mengatasinya dengan berkesan. Para peserta telah mendapat pengisian yang



Antara penceramah daripada Bahagian Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Johor di Kursus Pra Perkahwinan.

padat melalui 12 slot sepanjang 2 hari kursus iaitu pada 11 dan 12 September 2015. Tajuk-tajuk yang dibincangkan adalah sangat bertepatan serta relevan dengan keperluan dan kehendak zaman yang serba mencabar ini. Penceramah program adalah jempunan daripada Bahagian Undang-undang Syariah, Jabatan Agama Johor. Penceramah tersebut adalah terdiri daripada Tn. Hj. Mohd Nooh bin Kadri (Kadi Besar Negeri Johor), Ustaz Azamuddin bin Hj. Ahmad (Penolong Pegawai Bahagian Undang-undang Syariah), Ustazah

Siti Zainon binti Klewon, Dr. Shamsul bin Maali, Tn. Hj. Amir bin Mohd Noor, Ustaz Abdul Halim bin Sarmin, Ustazah Hjh Maimunah binti Osman, Ustaz Fakhruddin bin Yusuf dan Tn. Hj. Makhadzir bin Abdan. Secara keseluruhannya, para peserta sangat berpuas hati dengan pengisian yang telah disampaikan oleh penceramah yang arif dalam bidang masing-masing. Para peserta juga mendapat input yang banyak melalui kursus ini serta diberikan sijil kursus pra perkahwinan sebagai syarat persediaan awal sebelum melangkah ke alam perkahwinan.



LAWATAN AKADEMIK KE UTM MARINE TECHNOLOGY CENTRE

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) telah mengadakan lawatan akademik ke Marine Technology Centre di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 17 September 2015. Lawatan akademik ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar PIS yang menghadiri lawatan ini mendalami teknologi kejuruteraan di laut. Pada masa yang sama, lawatan ini juga menitikberatkan kesedaran kepada pelajar tentang skop kejuruteraan yang lebih luas. Seramai 20 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar semester satu pada sesi Jun 2015 terlibat dalam lawatan ini. Seramai 9



Taklimat ringkas daripada Prof Dr Adi Maimun Abd Malik.



Antara 20 orang pelajar semester 1 sesi Jun 2015 yang terpilih dalam lawatan akademik ke UTM Marine Technology Centre.

orang pensyarah pengiring termasuk Ketua Jabatan, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK), Dr Hajah Siti Zunariah binti Mohd Said dan Pengarah Program Pn Zuraidah binti Mohd Ramly. Program ini telah dimulakan dengan taklimat ringkas daripada Prof Dr Adi Maimun Abd Malik, Marine & Offshore Hydrodynamic Group berkenaan dengan misi, visi dan hal-hal yang berkaitan dengan bidang-bidang kejuruteraan yang terlibat di laut.

Lawatan ini telah diteruskan dengan lawatan ke bengkel-bengkel pembuatan kapal-kapal prototaip sebelum dibina mengikut ukuran yang sebenar. Para pelajar juga diberi penerangan tentang reka bentuk kapal, ujian-ujian ke atas kapal

prototaip dan penggunaan kayu-kayu yang sesuai untuk pembuatan kapal. Program ini telah diakhiri dengan sesi autograf di buku pelawat oleh Ketua Jabatan, Dr Hajah Siti Zunariah binti Mohd Said pada jam 11 pagi. Akhir kata, program lawatan ini telah berlangsung dengan jayanya. Semoga program lawatan ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik.



Lawatan ke bengkel-bengkel pembuatan kapal-kapal prototaip sebelum dibina mengikut ukuran dan dimesi yang sebenar Taklimat.

LAWATAN JELAJAH PENDIDIKAN INDUSTRI

Pada 15 dan 16 September 2015, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual telah menganjurkan lawatan jelajah Pendidikan Industri ke Kuala Lumpur dan Cyberjaya khasnya bagi pelajar grafik semester 6. Objektif utama lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang teknologi terkini yang diaplikasikan oleh pihak industri. Seramai 60 orang pelajar bersama dengan 7 orang pensyarah kursus Grafik mengikuti lawatan ini. Dalam lawatan tersebut, para pelajar telah dibawa melawat ke "96percent% Advertising Agensi", dan 1Day Handson Training Multimedia University, Cyberjaya. Melalui proram lawatan ini, para pelajar telah mendapat idea dan cara untuk menginovasikan produk masing-masing bagi mengendalikan Projek Akhir semester 6.



Aktiviti-aktiviti sepanjang lawatan



PAMERAN PENDIDIKAN KERJAYA SMKBBU

Pada 3 Mac 2016 (Khamis), Unit Psikologi dan Kerjaya Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) telah dijemput menyertai Pameran Pendidikan Kerjaya di SMK Bandar Baru Uda bersempena pengambilan keputusan SPM 2015. Pameran yang dihadiri oleh institusi awam dan swasta ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar-pelajar serta ibu bapa ke mana hala tuju yang boleh mereka pergi selepas mendapat keputusan SPM. Pameran yang dijalankan ini memberi peluang kepada para pelajar untuk mengetahui dengan lebih lanjut kursus-kursus serta bidang yang ditawarkan di IPTA dan IPTS.

Politeknik menawarkan pengambilan sebanyak dua kali setahun, serta program pengajian yang pelbagai dan menawarkan kadar yuran pengajian yang terendah berbanding institusi lain. Pelajar-pelajar



Booth PIS di SMK Bandar Baru Uda



mendapat penerangan berkenaan perbezaan antara politeknik premier, politeknik konvensional dan politeknik metro. Mereka juga mendapat maklumat berkenaan kursus-kursus yang ditawarkan di politeknik di seluruh Malaysia. Semoga pameran ini dapat memberi panduan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pameran Pendidikan Kerjaya ini disertai oleh staf Jabatan Kejuruteraan Mekanikal iaitu Azman bin Selamat, Maisarawani binti Spahat, Nurul Nadiah binti Shahrom dan Siti Rahaida binti Abdullah.



7TH PUTRAJAYA INTERNATIONAL HOT AIR BALLOON FIESTA 2015

Aktiviti sukarelawan 7th Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta 2015 ini adalah merupakan suatu aktiviti yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya. Pesta ini telah berlangsung selama 4 hari bermula pada 12 hingga 15 Mac 2015. Objektif utama penyertaan program sukarelawan ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar semester 5 Diploma Rekabentuk Grafik, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, tentang teknik dan cara pengendalian sesebuah aktiviti yang bertaraf antarabangsa. Ini selari dengan kursus Pengurusan Acara yang menjadi salah satu kursus wajib bagi pelajar-pelajar semester 5. Program ini telah disertai oleh pelajar Diploma Rekabentuk Grafik Semestara 5A bagi kursus Pengurusan Majlis (Event Management) seramai 32 orang.

Dalam aktiviti ini, para pelajar telah didedahkan dengan kaedah-kaedah pengurusan acara yang betul seperti kaedah persiapan tempat yang betul dan cepat serta bersesuaian dengan keperluan penganjuran sesebuah program yang bertaraf antarabangsa. Pelajar-pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan, beberapa orang kakitangan dari pihak penganjur AKA Balloon menyertai kumpulan pelajar ini bagi membantu dan memberi arahan kepada pelajar. Antara aktiviti yang dilakukan ialah memasang *bunting* dan *banner* pada khemah-khemah urusetia, menyediakan tiket dan *goodies bag*. Aktiviti ini diakhiri dengan majlis pelancaran rasmi pembukaan 7th Putrajaya International Hot Air Balloon Fiesta 2015.



MINGGU JMSK — BEYOND THE INFINITY

Seperti yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Ketua-ketua Jabatan peringkat Politeknik Malaysia tahun 2014, program Minggu JMSK perlu diadakan sekali pada setiap semester. Sehubungan itu, untuk semester ini, JMSK telah berjaya menganjurkan program Minggu JMSK sesi Disember 2015 pada 15-18 Februari 2016 dengan tema Beyond the Infinity. Seramai 19 orang staf Jabatan Matematik, Sains & Komputer (JMSK) dengan dibantu oleh 35 orang pelajar telah bekerja keras untuk memastikan program Minggu JMSK kali ini berjalan dengan lancar. Program yang berlangsung selama empat hari ini telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan dalam kalangan pelajar-pelajar dari semua jabatan induk. Terdapat empat aktiviti menarik yang telah dijalankan iaitu pertandingan *Photo Contest in Instagram, Mathematics and Science Quiz - Megatron of JMSK, Sudoku JMSK Attack, Chess Checkmate dan Science Drama on Stage*. Minggu JMSK diakhiri dengan majlis penutup yang telah dirasmikan oleh Pengarah



Bersama pihak pengurusan PIS, AJK dan peserta Minggu JMSK Sesi Disember 2015

Politeknik Ibrahim Sultan, Puan Hajah Rashidah binti Mustapa. Di dalam majlis tersebut, pelbagai hadiah menarik telah dimenangi oleh pemenang-pemenang bagi semua aktiviti yang telah dijalankan. Melalui program ini, diharapkan pelajar-pelajar akan lebih cenderung untuk berfikir secara inovatif dan kreatif serta dapat mengaitkan pembelajaran sains dan matematik dalam kehidupan mereka seharian. Semoga program Minggu JMSK pada semester hadapan akan mendapat sambutan yang lebih menghangatkan dan meriah dari semester sebelumnya.



Salah satu babak dari peserta *Science Drama on Stage*.



Salah satu gambar yang dimuatnaik ke pertandingan *Photocontest in Instagram*.



Peserta telah bersedia untuk pertandingan *Chess Checkmate*.



Pemenang *Mathematics and Science Quiz - Megatron of JMSK*

ENGLISH RUN 2016

English Run 2016 was organized by English Unit, General Students Department (JPA) with the main aims to inculcate the interest of learning English Language and promote healthy lifestyle among Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) students. It was a one-day programme held at 4.00pm–5.00pm, Politeknik Ibrahim Sultan on 20 January 2016.

A total of 116 PIS students benefitted from the programme. The participants were 88 students from various semesters across the 4 departments of PIS, namely, JRKV (38 students), JKE (8 students), JPH (24 students) and JKM (18 students). Meanwhile, a total of 28 students were entrusted with the responsibilities to be the facilitators for this programme. 18 of them are English Language Society (ELS) students while 10 of them are from PIS Badminton Club.

A total of 5 language games, namely, “Noun Search in the Lyrics”, “Word Search”, “Crossword”, “Meaning Matching” and “Jumbled Words” were carefully selected, prepared and conducted concurrently at 5 different checkpoints, namely, Checkpoint 1- Dataran Pentadbiran, Checkpoint 2- Laman Keusahawanan (PIS Library-UIDM), Checkpoint 3- the guardhouse nearest to Mechanical Engineering Department (JKM) building, Checkpoint 4- students’ hostel (Hi-tech) and Checkpoint 5- Sports Unit building respectively. Participants were required to complete the run within the stipulated time frame by completing all the prepared tasks at the 5 checkpoints mentioned above.

The first 20 participants who had successfully completed the run are listed as follows: The first runner is Muhammad Mustaqim Baziz, the second runner is Steven Raj A/I Velathan and the third runner is Mohamad Nur Arif B Khasrol Afandi. Meanwhile, JRKV was chosen to receive The Best Participation Award for having the most participating entries. The Best Outfit Award was won by Pendekar Fun Run Group (Muhammad Aisamuddin Hamsan, Nur Arif and Raja Ahmad Faiz). Nur Arif was also chosen as The Most Enthusiastic Runner while The Last Runner Award was given to Nur Athirah Hanim. As for Instagram Challenge-English Run 2016, Nurul Asyikin BT Mohd Shariff and Nur Liyana Afiqah BT Shaharuddin were announced as the winners.



On the whole, English Run 2016 has created a fun, interesting and meaningful language learning experience for all the participants. Thus, it can be considered an essential platform towards developing the students' interest in learning the language.

FIGHT FOR FIT MECHY 2016



Persatuan pelajar JKM telah menganjurkan Fight For Fit Mechy 2016 yang berlangsung pada 25 Februari 2016. Kira-kira 420 orang peserta berdaftar dalam Fight For Fit Mechy 2016. Acara sukan seperti futsal, bola jaring, bola tampar serta sukaneka telah dilaksanakan dengan penyertaan daripada para pelajar dan staf JKM. Turut serta dalam majlis perasmian adalah Tn Hj Abd Razak bin Senan, Timbalan Pengarah (Akademik) PIS yang telah menyampaikan amanat dan perasmian sejourus selepas senamrobik selesai. Sebanyak 22 pasukan futsal telah bersaing bagi merebut hadiah wang tunai yang telah disediakan.

Bagi acara bola tampar, 8 pasukan telah berentap menyaksikan kejutan yang dilakukan oleh pelajar semester 1 untuk menjulang kejuaraan kali ini. Dalam arena bola jaring, pasukan staf masih utuh untuk difewaskan oleh 3 kumpulan pelajar lain yang bersungguh-sungguh dalam permainan kali ini. Mencuri tumpuan adalah aktiviti sukaneka seperti ombak rindu, playboy itu bukan aku, war game dan lain-lain telah disertai oleh para staf dan pelajar. Kemeriahan suasana sukan pada pagi itu dapat mengeratkan hubungan sesama pelajar dan staf di samping meredakan sementara ketegangan di dalam pelajaran. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pn Maryati binti Marzuki, Ketua Jabatan JKM dengan ucapan penutup serta penyampaian hadiah kepada para pemenang. Sebanyak 18 cabutan bertuah turut disediakan dengan hadiah utama berbentuk printer telah dimenangi oleh pelajar semester 2. Tahniah diucapkan kepada pengarah program, saudari Murnira Sekala atas kejayaan majlis. Semoga aktiviti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.



POLYTECHNIC SOCIAL RESPONSIBILITY FOR ARDUINO LEADING YOUTH TO ROBOTIC NATION

Persatuan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dari Biro Mekatronik telah menganjurkan program Polytechnic Social Responsibility for Arduino Leading Youth to Robotic Nations pada 3 Mac 2016 bertempat di Makmal Mekatronik 1 dan 3 Politeknik Ibrahim Sultan bersama 40 pelajar Sekolah Menengah Seri Alam 2- sekolah angkat PIS.

Program ini bertujuan untuk mengumpulkan pelajar Kejuruteraan Mekanikal dari junior ke senior untuk mengajar pelajar-pelajar sekolah bagi meningkatkan potensi anak-anak muda dalam mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam kehidupan harian. Tujuan lain adalah untuk mendedahkan, meningkatkan dan memperluaskan lagi ilmu pengetahuan pelajar sekolah dalam dunia robotik dan teknologi mengaturkan pengawal mikro Arduino. Serta memberikan rangsangan kepada pelajar sekolah untuk melakukan diversifikasi pernanfaatan penggunaan Arduino.



Sebahagian dari peserta dan Guru Sek. Menengah Seri Alam 2 serta Cik Wan Zilliani Penasihat Persatuan Pelajar Jab. Kej. Mekanikal.



Aktiviti sepanjang program.

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT KE POLITEKNIK NEGERI BATAM DAN KAMPUNG MELAYU BATU BESAR NONGSA BATAM



Dalam usaha menjadikan Politeknik Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu bertaraf dunia, program pengantarabangsa adalah salah satu kaedah yang boleh membantu melonjakkan kecemerlangan sesebuah politeknik. Pada 10 hingga 12 Disember 2015 yang lalu, Persatuan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ibrahim Sultan telah mengadakan lawatan pengantarabangsa dan khidmat masyarakat ke Daerah Batam, Indonesia. Seramai 15 orang pelajar dan 5 orang pensyarah pengiring telah menyertai delegasi buat julung-julung kali diadakan ini. Para pensyarah yang mengikuti program kali ini ialah Pn Nazra binti Aris, Cik Nur Hafizah binti Rahim, YM Tengku Nadzion bin Tengku Ibrahim, En Faiz Husny bin Yusof dan En Mohd Azali bin Zainal Abidin.

Objektif utama program adalah sebagai penanda aras bagi pelajar dan pensyarah melihat suasana pembelajaran dan kemudahan infrastruktur di Politeknik Negeri Batam selain dapat mengerakkan hubungan dua hala dan menjalinkan kolaborasi antarabangsa bersama mereka. Selain itu, program ini juga bertujuan mempromosikan Jabatan Kejuruteraan Elektrik khususnya dan Politeknik Ibrahim Sultan amnya bagi menarik minat penduduk setempat mengikuti kursus jangka pendek dan sepenuh masa di politeknik melalui aktiviti khidmat masyarakat yang telah dijalankan. Para pelajar juga boleh meningkatkan kemahiran softskill dan hardskill mereka selain memupuk nilai-nilai murni dan positif semasa menyumbangkan tenaga ketika aktiviti pendawaian dan gotong-royong dijalankan.

Pada hari pertama kami telah melawat Yayasan Pendidikan Ibnu Sina Batam bagi menghadiri majlis perasmian *International Volunteers CSR Programme* dengan kerjasama Politeknik Malaysia dan *Ibnu Sina Batam Education Foundation*.

Politeknik Ibrahim Sultan, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu juga mengambil bahagian tetapi mereka menjalankan CSR di kampung lain. Lawatan kami diteruskan ke Politeknik Negeri Batam dan delegasi kami telah disambut oleh pengurusan tertinggi mereka dengan tayangan montaj tentang Politeknik Negeri Batam. Kemudian lawatan di sekitar ruang kelas dan kemudahan makmal yang disediakan kepada pelajar.

Hari kedua pula delegasi kami meneruskan program khidmat masyarakat di Surau Kampung Melayu Batu Besar Nongsa Daerah Batam. Program khidmat masyarakat yang telah kami jalankan ialah gotong-royong membuat penambahan soket dan pendawaian kipas dinding selain bersama-sama membersihkan kipas sedia ada dan kawasan sekitarnya. Selain itu, kami juga telah menyerahkan duit sumbangan kepada Yayasan Miftahul Hasanah yang terdapat di kampung tersebut. Yayasan ini telah menjalankan aktiviti mengasuh anak-anak yatim piatu, mendirikan taman kanak-kanak serta membuka usaha ekonomi. Wang sumbangan disampaikan oleh wakil delegasi kami kepada Haji Abdul Wahab bin Madiun, Ketua Umum Kampung Melayu Batu Besar Nongsa Batam. Hari terakhir lawatan kami sempat ke Villa Kek Pisang untuk membeli Ole-Ole Khas dari Batam. Kami telah diberi taklimat dan tayangan montaj oleh En Khairul Soleh untuk memperkenalkan pelbagai jenis produk kek yang dihasilkan oleh perusahaan tersebut. Tepat jam 3.00 petang delegasi kami telah menaiki feri untuk pulang ke Politeknik Ibrahim Sultan yang mengambil masa 1 jam 15 minit perjalanan. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektifnya iaitu untuk menjalinkan hubungan antarabangsa di antara Politeknik Negeri Batam dan Politeknik Ibrahim Sultan.

Selain itu, delegasi kami juga secara tidak langsung berpeluang menjalin hubungan dua hala dengan Yayasan Pendidikan Ibnu Sina Batam yang menyediakan program teknik dalam peringkat Diploma dan Ijazah. Pada masa akan datang, politeknik kita boleh menjalankan program mobiliti bersama mereka seterusnya menawarkan kursus jangka pendek dan sepenuh masa. Program khidmat masyarakat di Surau Kampung Melayu Batu Besar Nongsa juga telah membuka mata penduduk setempat memperkenalkan politeknik dan menunjukkan kemahiran para pelajar dan kebolehan pensyarah dalam kerja-kerja pendawaian. Secara tak langsung aktiviti ini dapat mempromosikan Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ibrahim Sultan ke peringkat yang lebih global. Gambar



Gambar kenangan bersama Pengasas Yayasan Pendidikan Ibnu Sina Batam, Bapak Haji Andi Ibrahim.

PERTANDINGAN "11 th ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) 2016 KUALA LUMPUR BIDANG FASHION TECHNOLOGY

Pertandingan Kemahiran ASEAN telah dianjurkan sejak 1995 yang mana Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi pertandingan ini pada tahun 1995. Pertandingan ini dianjurkan setiap dua tahun secara bergilir oleh negaranegara ASEAN. Ia merupakan landasan kepada belia negara untuk bertanding, mendapat pengiktirafan, memperolehi peluang untuk menonjolkan bakat kemahiran di peringkat ASEAN. Disertai oleh belia yang berumur 17 hingga 22 tahun dan berkemahiran dalam bidang berkaitan.

Pertandingan Asean Skills Competition (ASC) 2016 Kuala Lumpur yang telah di adakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) pada 23 hingga 28 Oktober 2016 telah menyaksikan Malaysia sebagai juara keseluruhan pungutan pingat di mana kita telah berjaya mengutip 22 EMAS, 4 PERAK dan 5 GANGSA mengatasi pencabar dari negara Indonesia, Vietnam dan Thailand. Darpada 50 orang peserta negara, Politeknik Malaysia telah menghantar seramai 2 orang peserta bagi mengharungi cabaran dan berjaya merebut pingat emas bagi bidang Fashion Technology dan Restaurants Services.

Peserta negara bagi bidang Fashion Technology, saudari Marufah binti Jailan merupakan pelajar Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian dari Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan.

pensyarah dari Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Ibrahim Sultan sebagai Jurulatih Negara. Cik Zamila juga dilantik sebagai Pembantu Am (Workshop Crew) manakala Pn. Siti Nurain dilantik sebagai Interpreter bagi bidang Fashion Technology oleh pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran semasa Pertandingan *Asean Skills Competition* berlangsung.

Sesi latihan Peserta Negara telah dijalankan dari bulan Januari 2016 sehingga September 2016. Bagi memantapkan lagi persiapan Peserta Negara, beberapa pusat latihan telah dilantik oleh pihak Jabatan Pembangunan dan Kemahiran Malaysia. Antara pusat latihan tersebut adalah Bak's Creation & Services Senawang, Salikin Sidek Sdn Bhd, Ampang Park Kuala Lumpur, Giatmara Titiwangsa Kampung Baru Kuala Lumpur dan Creative Design Centre (CDeC) Politeknik Ibrahim Sultan bagi memantapkan lagi Peserta Negara menghadapi pertandingan *Asean Skills* Pada Majlis Penutup *Asean Skills Competition* (ASC) 2016 Kuala Lumpur yang telah berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya yang telah dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. Saudari Marufah binti Jailan sekali lagi mengharumkan nama Politeknik Malaysia khususnya Politeknik Ibrahim Sultan dengan mengatasi 9 peserta dari negara Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam dan Laos bagi merangkul Pingat Emas berserta sijil yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya. Kemenangan ini melayakkan beliau mewakili Malaysia di Peringkat *Worldskills* Abu Dhabi 2017 yang akan berlangsung pada 14 hingga 19 Oktober 2017 nanti.



Beliau mewakili Malaysia bagi bidang *Fashion Technology* apabila memenangi Pingat Emas *Worldskills* Malaysia Belia 2015. Sebagai persiapan menghadapi pertandingan *Asean Skills Competition* (ASC) 2016 Kuala Lumpur, beberapa siri latihan intensif bersama Pakar Negara dan Jurulatih Negara telah diadakan bagi mempersiapkan peserta Negara.

En. Salikin Sidek dari Salikin Sidek Sdn Bhd dan Pn. Bakiah Tahir dari Bak's Creation & Services merupakan Pakar Negara dan dibantu oleh Jurulatih Negara bagi bidang *Fashion Technology*. Jurulatih Negara yang dilantik dari pelbagai agensi membantu dari segi persiapan teknikal Peserta Negara. Jabatan Pembangunan dan Kemahiran Malaysia juga telah melantik Cik Zamila binti Abu Zainal dan Pn. Siti Nurain binti Abd Rahim yang merupakan

SEKITAR PERSEDIAAN & PERTANDINGAN “11 th ASEAN SKILLS COMPETITION (ASC) 2016 KUALA LUMPUR BIDANG FASHION TECHNOLOGY”

Gambar



Bersama Expert, Observer, Interpreter, Peserta dan Workshop Crew (Malaysia, Indonesia, Thailand, Vietnam dan Laos).



Saudari Marufah binti Jailan menyusun pola jaket pada kain songket sebelum memotong kain bagi Modul 5 Pembuatan Jaket Wanita.



Lawatan Penyeliaan dari Pakar Negara En. Saikun Sidek dan Dr Ghalip bin Spahat Timbalan Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran di CDeC PIS Test.



Latihan intensif yang dijalankan di Giatmara Titiwangsa Kampung Baru, Kuala Lumpur dan di Bak's Creation & Services Senawang, Negeri Sembilan.



Test Project yang telah dihasilkan dalam masa 18 jam.

NATIONAL SYMPOSIUM OF TOURISM AND HOSPITALITY 2016

The National Symposium of Tourism and Hospitality 2016 was successfully held at Thistle Hotel, Johor Bahru on 28th September 2016. Organised by the Department of Polytechnic Education (JPP) in collaboration with Politeknik Ibrahim Sultan and MyCenThe.

The aims of the symposium were to widen the horizon of polytechnic students about the importance of the T & H sector in the country and to provide a platform for the field experts to discuss issues regarding the sector itself.

The symposium was officiated by Mr. Edzuar Zar, the Director of Malaysia Tourism Promotion Board from Johor branch, in the presence of the Senior Academic Director of Department Polytechnic Education (JPP), Tuan Haji Azizi Bin Lin.

A few renown academics of the field like Assoc. Professor Dr. Dr. Kashif Hussain, Professor Emeritus Dato' Dr. Haji Abdul Murad Bin Ahmad, Mr. Mohamad Khairi Bin Mohamad @ Alwi and Mr. Mohd Hasrol Bin Kamis @ Mahmud presented their research papers for the benefit of the students.

Besides, a forum was also held on that day, Mr. 'Shaiful Azli bin Muhamad Surol, Mr. Huza Radzi, Mr. Khairil Hafez Harith Yahya and Mrs. Shahnazrazad 'Yahya were the members of the forum panel.



The National Symposium of Tourism and Hospitality 2016.



Among the participants who attend at The National Symposium.



Invitation to be present at the opening ceremony.



Handing over of the certificates to Cluster Leader MyCenTHE

THE 6th INTERNATIONAL GRADUATE CONFERENCE ON ENGINEERING, SCIENCE AND HUMANITIES UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

The second shift of Higher Learning Talent Excellence, in Malaysia Education Blueprint 2015 - 2025 (Higher Education) aspires to attract, develop and retain excellent talent through specialized pathways for educator, researchers and academic communities. To achieve this outcome, Unit of Research, Innovation and Commercialization (UPIK) of Politeknik Ibrahim Sultan always prioritise HLIs as the institutional excellence in overall research and innovation development.

On 15-17 August 2016, six lecturers from Mechanical Engineering Department have presented their research works in the 6th International Graduate Conference on Engineering, Science and Humanities (IGCESH 2016). IGCESH 2016 was organised by the UTM Postgraduate Student Society (PGSS-UTM) in collaboration with the School of Graduate Studies UTM to empower innovation and entrepreneurship for sustainable development. Nevertheless, it aims to provide a platform to highlight recent studies in both industrial and academic world thereby to identify emerging and future areas of the growth in the discussing fields.



Total of 392 Engineering papers, 389 Science and Technology papers and 393 Social Science papers have been published in the Conference Proceedings indexed with ISSN number. Additionally, selected papers after reviewing process will be published in Jurnal Teknologi, a Scopus indexed International Journal. Four Engineering research papers presented by lecturers of Mechanical Engineering Department are:

1. Reco Block: Significant of Replacing Rice Husk Ash as Natural Filler in Eco-friendly Retaining Wall Block by Hooi Peng Lim, Hairizza Kosnan and Shukur Abu Hassan.
2. Back Pain Problem in Industry using Nordic and Rapid Upper Limb Assessment (Rula) by Maisarawani Spahat.
3. Non - contact Surface Temperature Measurement using Helium-Neon Laser by Firdaus Ali, Siti Rahaida Abdullah and Mohd Yusoff Sulaiman.
4. A Study on Dripping Times of Latex and Formic Acid in Coagulation Process using Mixer Machine by Suria Mohd Samdin, Amerul Hakim Saadon and Mohd Ekhwan Abd Rahim

TRAINING ON NON-DESTRUCTIVE TESTING NDT & EVALUATION OF ULTRASONIC TESTING LEVEL 1 CERTIFICATION BY SIRIM BERHAD

Four lecturers from Mechanical Engineering Department, namely Chok Kong Yu, Lim Hooi Peng, Suria binti Mohd Samdin and Siti Rahaida binti Abdullah have participated in the Training on Non-Destructive Testing NDT & Evaluation of ultrasonic Testing Level 1 Certification organised by SIRIM Berhad Shah Alam.

This course is to assist in preparing the participants to take the NDT Ultrasonic Level 1 Certification and Qualification examination in accordance to ISO 9712. Participants were provided thorough knowledge in the principles of Ultrasonic Testing and fundamentals of materials and processes.

At the end of the training, participants would be able to identify suitability of Ultrasonic Testing for the material and inspection techniques as well as to analyse the test results and report the discontinuities found in accordance to the procedures, standards and specifications.



The participants have attended lectures, workshops and conducted case studies as well as group discussion in between the session and industrial visit. 10 days of the intensive training has enhanced the knowledge of participants in understanding of the NDT Ultrasonic Testing principles and its applications

BENGGKEL PENYELARASAN PELAKSANAAN WORK-BASED LEARNING (WBL) BERSAMA INDUSTRI SESI 2016/2017

Program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa (BTH) telah mengadakan bengkel bersama industri pada 29 Ogos 2016 yang bertempat di Dewan Johor, Hotel Mutiara, Johor Bahru. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk penyelarasan pelaksanaan WorkBased Learning (WBL) di antara politeknik dan juga industri. Ia dipengerusikan oleh Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan, Pn. Hj. Rashidah binti Mustapa, turut hadir bersama Pn. Nurul Aida binti Mohd Nordin, Penolong Pengarah Kanan BPK, Pn. Zaiton binti Sarman, Ketua Program DUP (menjalankan tugas KJPH) dan staf-staf Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti khususnya dari Program BTH. Manakala wakil-wakil industri yang hadir ialah TAR PH Sdn. Bhd. Mutiara Hotel Johor Bahru, Rajawali Bintang Travel, SC Southern Tours & Travel, TH Travel and Services Sdn Bhd, Thistle Hotel Johor Bahru, PPNJ Tours & Travel Sdn Bhd dan The Puteri Pacific Hotel. Program Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti Antarabangsa,

Politeknik Ibrahim Sultan merupakan program yang pertama menjalankan program WBL dengan kerjasama industri dalam bidang pelancongan dan hospitaliti. Konsep WBL yang diguna pakai di politeknik merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berstruktur yang melibatkan pengalaman kerja dan persekitaran industri berasaskan tiga teras utama iaitu pelajar, politeknik dan industri yang mana ketiga-tiga teras ini akan bekerjasama bagi mencapai objektif dalam melahirkan pelajar berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam memenuhi kehendak industri masa kini. Kaedah ini menyediakan pembelajaran secara konkrit yang melibatkan aktiviti *hands-on* dan *minds-on*.

Objektif bengkel ini ialah memberi pendedahan selain meningkatkan kompetensi industri yang terlibat dalam WBL dalam perancangan, penyediaan, penilaian dan pembangunan kurikulum WBL Program BTH. Dalam bengkel ini juga, pihak industri yang terlibat dalam WBL bagi kohort pertama telah memberikan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan pelaksanaan WBL agar lebih efektif pada masa akan datang.



PROGRAM PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DAN KEM KEPIMPINAN DAN JATI DIRI, MELAKA

Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Kem Kepimpinan dan Jati Diri telah diadakan pada 23 dan 24 September bertempat di Sekolah Menengah Teknik, Melaka dan Sparks Wood, Adventure Park, Melaka. Program yang telah dianjurkan oleh Persatuan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ibrahim Sultan ini melibatkan siswa, siswi dan barisan pemimpin mahasiswa Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) Sesi Jun 2016. Program ini melibatkan 38 orang pelajar dan 2 orang pensyarah pengiring. 5 orang daripada peserta tersebut adalah exco Persatuan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik.

Program Sepanjang Hayat dimulakan dengan pembukaan dan bacaan doa. Taklimat berkenaan pengenalan Politeknik Ibrahim Sultan telah disampaikan oleh Intan Norshuhadah dan Muhammad Harfizie dengan jayanya. Seterusnya, Pn. Zuraidah binti Md. Taib mengetuai aktiviti utama Program Sepanjang Hayat untuk slot pemasangan, pematrian dan pengujian litar. Litar yang digunakan adalah Litar Bekalan Kuasa dan Litar Pengesan Cahaya. Pelajar SMTM dikehendaki melakar dan menyambung litar menggunakan komponen yang telah disediakan oleh pihak kami. Di samping itu juga, para pelajar SMTM diberi pendedahan tentang kaedah pematrian yang betul. Program diteruskan dengan aktiviti Kem Kepimpinan dan Jati Diri di Sparks Wood, Adventure Park di Durian Tunggal Melaka. Di antara aktiviti – aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti *night walk*, *Flying Fox*, *Orang Hutan Walk* dan *Explorace*.



Aktiviti ini dapat meningkatkan keberanian diri untuk menghadapi cabaran dan dapat mengeratkan ukhuwah di antara para peserta. Kem yang berkonsepkan santai ini merupakan suatu pengalaman yang menarik dan mampu memberi perubahan yang drastik di dalam pergaulan dalam kalangan peserta. Konsep bekerja secara berkumpulan yang digunakan dalam kem ini adalah bersesuaian untuk memupuk ilmu kepimpinan dalam diri pelajar yang berjiwa remaja.

ASEAN TVET ENGLISH PROGRAMME: INTERNATIONAL CSR

Benjamin Disraeli, a British politician and a writer in the 1800s, once said that "the secret of success in life is for a man to be ready for his opportunity when it comes." So, when Politeknik Melaka proposed a collaboration with Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) to carry out ASEAN TVET PROGRAMME with Politeknik Bandung, PIS International Relations Unit grabbed the golden opportunity.

On 6 September 2016, 7 lecturers (3 from PIS and 4 from PMK) together with 8 students (4 from each polytechnic) flew to Bandung. There, we were met by Mas Roy who sent us to our hotel.

Those from PIS were Pn Farahdiba bt Mohd Said, Dr Prasanna Kesavan, En Rafiq b. Mujilan, Mohammad Zaim b. Mohd Yusof (JKM), Siti Aisyah bt Mohd Khit Hadi (JPH), Nurliyana bt Ariffin (JPH) and Muhammad Nurharfizzie b. Mohd Harfizzan (JKE). At night, Bapak Danny and Bapak Febrie from Politeknik Negeri Bandung came to our hotel to brief us on the programme which was scheduled to be carried out the next day.



The next day, our programme began in Politeknik Bandung. In the opening ceremony, we were welcomed by Ibu Sri Dewiyanti.

(The head of English Department) and the Assistant Director of Students' Affair.

We managed to meet the director of the polytechnic, Dr Ir. Rachmand Imbang Tritjahjono M. T., in the late afternoon.

Our ASEAN TVET Programme began at about 9.00 am. There were 108 Politeknik Negeri Bandung participants and they were divided into 5 groups.

With a variety of English activities conducted in parallel sessions, ASEAN TVET Programme had successfully promoted the use of English language among the participants and enhanced Malaysian Polytechnic facilitators' confidence in using the language.

The programme, on the whole, was a success. Everyone seemed to have a gala time during the programme as well during our gallivanting. The best thing of all, PIS students appeared to be so comfortable speaking in English with not only us, the lecturers, but also with the students and the lecturers of Politeknik Negeri Bandung. Thus, the objectives were definitely achieved.

PROGRAM PENTAS SAMUDERA MALAYSIA – INDONESIA

Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Ibrahim Sultan telah mengadakan Program Pentas Samudera Malaysia-Indonesia di Tanjung Pinang, Riau yang disertai oleh 20 orang pelajar dan seorang pegawai pengiring. Program 3 hari 2 malam ini merangkumi aspek Perkongsian Budaya antara Malaysia dan Indonesia di mana program khidmat komuniti menjadi agenda utama bagi delegasi kali ini. Meskipun Malaysia dan Indonesia dikatakan serumpun, namun masih terdapat sedikit perbezaan yang membuka minda dan pandangan para pelajar. Jauh Perjalanan Luas Pemandangan, itulah yang cuba dizahirkan oleh saudara Azahani Natasha Azman selaku Pengarah Program kali ini dalam mengekalkan adat tradisi serta asal usul yang masih belum tersingkap di minda. Konsep perkongsian budaya antara dua negara yang seakan tidak gah pada masyarakat sebenarnya memberikan impak yang besar serta mendalam kepada para pelajar. Bukan itu sahaja, kekuatan ukhwa di antara delegasi kali ini telah memberikan suatu cerminan dalam menjalinkan kerja asama positif antara kedua-dua negara khususnya melibatkan pengantarabangsaaan pelajar.

Tempat yang dilawati adalah Pusat Kraftangan Budaya Indonesia (PKBI) - Komunitas Siput Gonggong untuk melihat hasil kraftangan yang diperbuat daripada siput gonggong, kemudian ke Dataran Raja Ali Haji bagi mendengar penerangan mengenai sejarah Tanjung Pinang, asal usul ketamadunan Nusantara atau Alam Melayu bermula dari Tanjung Pinang. Raja Ali Haji merupakan seorang raja yang memerintah Tanjung Pinang suatu masa dahulu yang dikatakan di bawah Kerajaan Johor Riau. Pada hari kedua tempat yang dilawati adalah Universitas Maritim Raja Ali Haji (UMRAH) untuk perkongsian budaya dan diskusi berkaitan program pengantarabangsaaan. Sesi diskusi diteruskan melalui pertukaran idea, pendapat



dan cadangan antara kedua universiti. Sesi diskusi ini memberi pengetahuan baru dari segi sistem pendidikan yang diguna pakai oleh kedua buah negara dan bagaimana sistem ini terlaksana. Dalam diskusi bersama warga UMRAH, dinyatakan tentang pembukaan program-program diploma serta kursus jangka pendek untuk pelajar antarabangsa di PIS. Selepas itu lawatan diteruskan ke Panti Asuhan Muhammadiyah yang menempatkan anak-anak yatim serta kurang berkemampuan. Di sana, kami melakukan aktiviti khidmat komuniti bersama mereka seperti persembahan boria, energizer, dan seterusnya melakukan gotong royong pembersihan kawasan panti asuhan tersebut. Sumbangan dana telah disampaikan dari pihak delegasi Malaysia kepada wakil panti asuhan.

KURSUS PEMASARAN MELALUI RANGKAIAN MEDIA SOSIAL

Pada 22 September 2016, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer Politeknik Ibrahim Sultan telah menganjurkan Kursus Pemasaran Melalui Rangkaian Media Sosial. Matlamat utama kursus ini dilaksanakan adalah untuk menyampaikan pengetahuan untuk membina penulisan berpengaruh dalam pemasaran secara online. Selain itu kursus ini bertujuan untuk mendedahkan teknik pemasaran melalui Facebook, Instagram dan WhatsApp. Kursus ini secara langsung mewujudkan jalinan kolaborasi yang lebih erat antara agensi terlibat iaitu Syarikat Takaful Malaysia dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Peserta program adalah staf daripada agensi kolaborasi iaitu Syarikat Takaful Malaysia dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang yang terdiri daripada 13 orang peserta. Penceramah kursus adalah Pn. Tuan Rozilaazwani binti Tuan Mat dibantu

oleh Pn. Haniza binti Junid. Kursus ini berlangsung selama satu hari bermula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Pada slot pertama, peserta program telah didedahkan konsep *digital entrepreneurship* melalui Facebook, Instagram, WhatsApp, laman web dan *emel*. Peserta juga diberi kemahiran *hands-on* untuk menggunakan aplikasi *Canva* untuk merekabentuk *FB Cover*, *FB Post* dan *FB Adds* serta perisian *Adobe Photoshop* untuk menyunting gambar. Peserta juga didedahkan dengan teknik mengambil gambar dengan betul berdasarkan produk yang akan dipasarkan seperti makanan, minyak wangi, sabun, jus kesihatan dan kopi herba. Di samping itu, peserta juga didedahkan dengan teknik menulis ayat iklan yang baik menggunakan teknik A.I.D.A.

Pada slot kedua kursus, peserta didedahkan kepada pembangunan laman *Facebook* bagi memudahkan peserta mempunyai platform untuk memasarkan perniagaan mereka. Selepas rehat pada waktu tengahari, kursus disambung untuk slot ketiga iaitu kaedah pemasaran melalui *Facebook*, *Instagram* dan *WhatsApp*. Dalam slot ini, peserta didedahkan dengan merekabentuk produk diatas talian untuk dipasarkan melalui media sosial. Peserta sangat teruja dengan pengetahuan baru yang dikongsikan dan mengharapkan dapat mengikuti kursus yang lebih mendalam berkenaan pemasaran melalui media sosial. Di akhir sesi berkursus, peserta dianugerahkan sijil penyertaan yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer iaitu En. Nordin bin Zakariah.



PROGRAM DESTINASI ILMU 2016 (PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT) BERSAMA SMK SUNGAI TIRAM

Pada 24 Mei 2016 hingga 26 Mei 2016 telah berlangsung program Destinasi Ilmu 2016 (Pendidikan Sepanjang Hayat) bersama 120 orang pelajar SMK Sungai Tiram. Program ini merupakan kerjasama antara Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Persatuan Ibu Bapa & Guru SMK Sungai Tiram. Program Pendidikan Sepanjang Hayat (PSH) ini telah diadakan untuk memperkenalkan jabatan induk Politeknik Ibrahim Sultan kepada pelajar SMK Sungai Tiram. Program ini juga memberi pendedahan asas tentang program yang ditawarkan selain memberikan pendedahan kepada pelajar tentang cara pembelajaran di PIS. Melalui program ini, pelajar mempunyai ruang untuk memperoleh pengetahuan serta kemahiran secara berterusan. Secara tidak langsung program ini dapat menjalin kerjasama dengan SMK Sungai Tiram melalui perkongsian kepakaran dan kemudahan untuk mempromosikan PIS kepada pelajar SMK Sungai Tiram. Jabatan yang terlibat dengan slot bersama politeknik

adalah Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Matematik Sains dan Komputer. Jabatan Kejuruteraan Elektrik menyediakan slot yang bertajuk animasi multimedia, *Pc Programming* dan pengucapan awam & pengacaraan majlis. Jabatan Kejuruteraan Mekanikal pula menyediakan slot pengenalan kepada Program Pembuatan Kaedah Kimpalan Dan Makmal Kejuruteraan. Manakala Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual menyediakan *Slot Experimental Construction* dan *Photo - Retouching technique*. Jabatan Matematik Sains dan Komputer menyediakan Slot Celik Kalkulator 570MS dan Bengkel *Microsoft Publisher*.

Program ini telah berlangsung dengan lancar seperti yang telah dirancang. Majlis penutup disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, En. Noor Azmi bin Asmawi dan turut dihadiri oleh Pengerusi PIBG SMK Sungai Tiram, En. Sahri bin Suyut, penolong Kanan Pentadbiran SMK Sungai Tiram, Tn. Hj. A. Jalal bin Omar. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai sasarannya dalam mempromosikan Politeknik Ibrahim Sultan kepada pelajar SMK Sungai Tiram. Melalui program PSH ini, bukan sahaja pelajar memperoleh pengetahuan serta kemahiran yang boleh diterapkan dalam kehidupan seharian, malah dapat meningkatkan sahsiah diri pelajar serta mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi.



MAJLIS PENYERAHAN PRODUK INOVASI PPRN PIS

Pada 22 September 2016, Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan telah mengadakan Majlis Penyerahan Produk Inovasi PPRN PIS, bertempat di Galeri CDeC, Politeknik Ibrahim Sultan. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) telah melaksanakan Public-Private Research Network (PPRN) bagi mewujudkan 'knowledge friendly eco system' di Malaysia. Pihak industri yang merupakan pengguna pengetahuan dihubungkan dengan pengeluar pengetahuan iaitu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institusi Penyelidikan (RI) bagi meningkatkan produktiviti negara melalui aktiviti inovasi dan penyelidikan gunaan. Selain dari itu, PPRN diwujudkan sebagai salah satu strategi bagi merencanakan lagi pembangunan inovasi dan pengkomersialan hasil R&D negara dengan menggandingkan kumpulan penyelidik dan kumpulan syarikat perusahaan. Melalui PPRN ini, kerajaan bersedia membiayai sebahagian kos penyelidikan secara "matching grant" sehingga RM50,000.00 bagi setiap penyelidikan.



Yang Berhormat Dato' Hjh. Normala binti Abd Samad, Ahli Parlimen Pasir Gudang menyerahkan produk kepada En. Hamidy bin Hassan, Pengurus Hamidy Coffee Industry.



Diharapkan selepas ini akan ada idea baru daripada pensyarah dan pelajar Politeknik Ibrahim Sultan yang mengikut jejak kumpulan En. Muhammad. Di akhir majlis, para tetamu dihidang dengan jamuan minum petang.

Oleh itu, Politeknik Ibrahim Sultan telah merakam sejarah dengan kreativiti dan inovasi daripada pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, En. Muhammad bin Mustapha dan pasukannya yang telah berjaya mencipta Automated Coffee Bean Chiller yang telah diserahkan kepada Syarikat Hamidy Coffee Industries.

Majlis tersebut telah diserikan dengan kehadiran tetamu terhormat iaitu, Yang Berhormat Dato' Hajah Normala binti Abd Samad, Ahli Parlimen Pasir Gudang. Turut hadir ke Majlis Penyerahan Produk Inovasi PPRN ialah Yang En. Shabudin bin Man, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Jabatan Pendidikan Politeknik, Pn. Hjh. Rashidah binti Mustapa, Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan, En. Mohd Suhezey bin Shafie, Pengarah MYIPO Cawangan Johor, En. Hamidy bin Hassan, Pengurus Hamidy Coffee Industry dan beberapa wakil pengarah politeknik zon selatan. Liputan berita pada hari tersebut telah dihadiri oleh wartawan TV3.



Bergambar kenangan bersama di Majlis Penyerahan Produk PPRN PIS.



En. Muhammad bin Mustapha dan pasukannya yang telah berjaya mencipta Automated Coffee Bean Chiller.

PIS JOHAN PERTANDINGAN GENERATION TVET DIGITAL PHOTOGRAPHY COMPETITION 2016

Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik telah menganjurkan pertandingan Generation Tvet Digital Photography Competition 2016. Pertandingan ini terbahagi kepada 4 kategori iaitu Tools Of The Trade, Tvet Industrial Mentors, I Am Tvet dan Little Tvet. Majlis CIDOS Inspiring Learning Award 2016 (eDOLA2016) telah berlangsung di Dewan Za'aba (KPT) pada 27 September 2016.

Sebanyak 2 kumpulan dari Jabatan Matematik Sains dan Komputer telah menyertai pertandingan tersebut yang terdiri daripada Kumpulan 1, diketuai oleh En. Mohd Halid bin Abu, Pn. Noor Baiti binti Jamaluddin dan Pn. Siti Nuradibah binti Edros. Manakala Kumpulan 2 telah diketuai oleh Pn. Noor Syaheeda binti Mohd Safie, dibantu oleh Pn. Syamimi binti Muhammad dan Pn. Syarifah Hannan binti Sayed Abd Rahman. Kumpulan 1 telah 'berjaya' melayakkan diri ke pusingan akhir dalam 2 kategori iaitu I Am Tvet (Tempat pertama) dan Little Tvet (Tempat kedua).



Gambar yang bertuah.



Majlis Penyerahan Hadiah kepada pemenang.



Hadiah yang berjaya di menangi.

LAWATAN AKADEMIK KE INDUSTRI BAGI MENDAPATKAN PENDEDAHAN DALAM BIDANG WARDROBE MANAGEMENT DI LEGOLAND MALAYSIA



Peserta lawatan di hadapan pintu gerbang Legoland Malaysia

Antara aktiviti yang berlaku adalah sesi lawatan dan taklimat penerangan oleh pegawai dari Legoland tentang segala aktiviti dan fungsi jabatan-jabatan di Legoland. Para pelajar dan pensyarah berpeluang untuk melihat sendiri secara keseluruhan kerja-kerja belakang tabir di taman tema tersebut. Tumpuan yang lebih diberikan semasa lawatan di Wardrobe Department di mana tiga orang pegawai dari jabatan tersebut telah memberi penerangan yang lebih terperinci tentang tugas mereka.



Wardrobe Department Legoland Malaysia

Program lawatan akademik ke industri bagi mendapatkan pendedahan dalam bidang wardrobe management di Legoland Malaysia telah dijalankan pada 5 September 2016. Seramai 67 orang pelajar dan 3 orang pensyarah dari Program Sijil dan Diploma Rekabentuk Fesyen dan Pakaian telah menyertai program tersebut. Tujuan utama lawatan tersebut adalah untuk memenuhi keperluan kursus DVF3052 Wardrobe Management For Screen Industry di mana ia dapat memberi pengalaman pembelajaran baharu yang mengaitkan teori di dalam bilik kuliah dengan amalan organisasi di industri sebenar. Legoland Malaysia adalah salah satu syarikat yang mempunyai Wardrobe Department yang aktif di mana pelajar dapat menimba ilmu dan melihat sendiri situasi sebenar di dalam skop pekerjaan ini.

Dengan menjalankan program ini, ia membolehkan para pelajar memperoleh pengetahuan dan berkongsi pengalaman serta teknologi terkini secara terus dari pengamal industri. Ini adalah salah satu kaedah P&P untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam bidang pengajian yang diikuti di samping membolehkan pelajar mengaitkan ilmu yang diperolehi dari bilik kuliah dengan situasi sebenar di industri. Lawatan ke Legoland Malaysia ini juga dapat mengembangkan orientasi mental pelajar dengan memberi gambaran sebenar apa yang berlaku di dalam industri di samping dapat memotivasikan pembelajaran, menerapkan nilai-nilai murni, pengurusan masa, personaliti dan kepimpinan mereka.

LAWATAN INDUSTRI KE PERUSAHAAN SADUR TIMAH MALAYSIA (PERSTIMA) BERHAD

Pada hari Khamis bersamaan 25 Ogos 2016 satu lawatan industri ke Perusahaan Sadur Timah Malaysia (PERTISMA) BHD telah diadakan. Seramai 10 orang pelajar dari semester 5 dan 10 orang pelajar yang terdiri daripada AJK Tertinggi PPJKE telah mengikuti lawatan tersebut berserta 2 orang pensyarah pengiring.

Perusahaan Sadur Timah Malaysia (PERTISMA) Berhad merupakan pengeluar dan pembekal utama sadur timah yang berkualiti tinggi ke pasaran tempatan dan luar negara. Perusahaan ini telah ditubuhkan pada 16 Ogos 1979 dan memasarkan hasil keluaran pertamanya pada 2 April 1982. Sehingga ke hari ini PERSTIMA telah menghasilkan jumlah pengeluaran sadur timah sehingga 200 000 tan metrik setahun. Objektif lawatan ini dilakukan ialah untuk mendapatkan pendedahan tentang proses-proses serta peralatan yang terdapat di industri tersebut berkaitan dengan teknologi sadur timah. Selain itu ia juga dapat mengalakkan pelajar lebih memahami kaitan modul dan bidang akademik yang dipelajari dengan peluang-peluang pekerjaan dan kerjaya selepas menamatkan pengajian mereka di politeknik.

Di samping itu juga dengan melakukan lawatan ini pelajar dapat membuka minda terhadap prospek alam pendedahan tentang kerjaya dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik bagi mengembangkan minat dan kreativiti mereka ke tahap yang lebih tinggi. Kehadiran kami di PERUSAHAAN SADUR TIMAH MALAYSIA (PERSTIMA) BERHAD diharap dapat menjalinkan hubungan industri di masa akan datang di mana pelajar berpeluang mengadakan latihan industri di sini. Terdapat pelbagai proses penyaduran timah seperti pembersihan timah, pengilatan timah dan sebagainya. Industri sadur timah ini berisiko tinggi kerana menelan belanja yang banyak untuk menghasilkan teknologi penghasilannya di negara kita. Sepanjang lawatan di dalam kilang aspek-aspek keselamatan perlu dipatuhi seperti pemakaian kasut bertutup dan topi keselamatan. Banyak proses penghasilan produk menggunakan voltan dan suhu bahan api yang tinggi dan boleh mengakibatkan kemalangan. Para pelajar mendapat input dan maklumat berguna hasil daripada lawatan ini yang boleh dimanfaatkan apabila berada di alam pekerjaan kelak selain membuka peluang mengadakan latihan industri (*internship*) di sini.

SCORM (SHARABLE CONTENT OBJECT REFERENCE MODEL) DAN CIDOS

Kursus SCORM (Video dan iSpring) dan Cidos di Jabatan Pengajian Am telah diadakan pada 13 hingga 16 Jun 2016 di Makmal e-Pembelajaran, CdeC. Cik Mimi Aineen binti Abu Mansor selaku jawatankuasa e-learning PIS memulakan kursus dengan slot taklimat kursus, objektif kursus, taklimat BLDT & BLFR dan taklimat SCORM. Semua pensyarah didedahkan dengan kepentingan menghadiri kursus ini sebagai satu usaha melengkapkan diri dalam kepelbagaian kemahiran terutamanya ke arah penyediaan item e-learning.

Slot kursus dimulakan dengan informasi berkenaan tentatif kursus, pengisian dan penyediaan bahan kursus dan pembahagian kumpulan peserta kursus. Ianya diteruskan dengan informasi terbaru berkaitan e-pembelajaran. Cik Mimi Aineen meneruskan pengisian kursus dengan informasi dan pendedahan berkenaan BLDT (Blended Learning Distribution Table) dan BLFR (Blended Learning Fulfillment Record) dan kepentingan bahan pengajaran berbentuk SCORM (Sharable Content Object Reference Model) sebagai salah satu *e-content* wajib dalam platform CIDOS.

Slot seterusnya diambil alih oleh penceramah TM Ungku Mahadzir bin Ungku Zainal Abidin berkaitan slot video Pra Produksi Video. Slot ini menerangkan pengenalan video, cara pengendalian dan penggunaan video. Diikuti dengan slot hari seterusnya iaitu pembikinan penyuntingan video. Peserta juga diberi tutorial berkaitan penggunaan software *iSpring*. Setelah para peserta berjaya menghasilkan bahan pengajaran beserta video berbentuk *iSpring*, peserta diberi kursus bagaimana untuk menggunakan SCORM package untuk dimuatkan di dalam e-learning CIDOS. Selain pembentangan hasil bahan kursus peserta, Cik Mimi Aineen menamatkan hari terakhir dengan kursus BLDT dan BLFR kepada peserta secara satu persatu.

Hasil daripada kursus ini, para peserta telah dapat memahami dan mengetahui tentang BLDT dan mampu menyediakan BLFR sendiri kelak. Di samping itu, para peserta dapat menggunakan bahan kursus yang boleh dimuatkan terus ke dalam CIDOS masing-masing. Justeru itu CIDOS content berbentuk SCORM telah berjaya dilaksanakan dan membantu peserta memperolehi status "thumbs up" untuk semester Jun 2016. Malahan peserta telah bertukar-tukar bahan antara satu sama lain.



Peserta kursus sedang mendapat tunjuk ajar dari penceramah berkaitan video dan iSpring.

HOSPITALITY INNOVATION AND FINAL EXHIBITION (HI - FIEX)

Program HI-FIEX (Hospitality Innovation and Final Exhibition) yang bertemakan "Innovation on Malaysia Traditional Heritage" merupakan program yang dijalankan bagi memperkenalkan hasil inovasi pelajar semester 4 dan 6 daripada tiga program yang ditawarkan di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti iaitu Diploma Pengurusan Hotel dan Katering, Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Pengurusan Acara. "Innovation on Malaysia Traditional Heritage" merupakan tema yang dipilih bagi program HI-FIEX pada tahun ini adalah bersesuaian dengan bidang Pelancongan dan Hospitaliti dalam usaha mengekalkan warisan tradisional supaya tidak lenyap ditelan zaman dan dapat memupuk minat generasi muda terhadap warisan kesenian serta menjadi satu bentuk tarikan kebudayaan untuk pelancong.

Program ini dianjurkan oleh pelajar semester 4B Diploma Pengurusan Hotel dan Katering dan berlangsung selama 2 hari di mana sesi penjurian telah dijalankan bermula pada 20-21 September 2016. Pelajar dikehendaki mempamer dan membuat demonstrasi inovasi masing-masing di hadapan panel juri sewaktu sesi penjurian dijalankan. Pembentangan ini diadili oleh juri yang dilantik dan keputusan pengadilan oleh juri adalah muktamad. Selain menjadi platform kepada pelajar politeknik menyumbang idea dan inovasi dalam mencipta dan menemui sesuatu yang baharu, program ini juga bertujuan memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pelajar serta pensyarah selaku pembimbing, yang telah memerah idea bagi mencetuskan keunikan dalam penciptaan inovasi-inovasi terkini yang relevan demi menghasilkan sesuatu yang terbaik untuk rakyat dan keberhasilan negara. Anugerah projek terbaik dan pemenang bagi piala pusingan HIFIEX Sesi Jun 2016, diberikan kepada kumpulan inovasi yang menghasilkan Batik Travel Kit. Sesungguhnya, Program HI-FIEX yang diadakan menyemarakkan usaha dan budaya inovasi dalam kalangan warga Politeknik Ibrahim Sultan ke arah kecemerlangan dan keberkesanan P&P.



Pemenang Projek Terbaik HI-FIEX



Timbalan Pengarah Akademik melihat hasil inovasi pelajar.



Diantara inovasi yang dipertandingkan.

PROGRAM CELIK TAKAFUL

Pada 27 September 2016, Jabatan Matematik, Sains dan Komputer Politeknik Ibrahim Sultan telah menganjurkan Program Celik Takaful. Matlamat utama program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pengetahuan tentang kepentingan takaful dalam kehidupan, mendidik dan menyedarkan golongan muda terhadap keperluan memiliki skim takaful dan menyalurkan maklumat tentang peranan dan fungsi takaful.



Peserta kursus adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti subjek Keusahawanan iaitu daripada kelas DKM 5A, DKM 5B, DKM 5C, DTP 5A, DTP 5B, DFP 5A dan DFP 4A. Pelajar diberikan pelepasan kuliah sepanjang program berlangsung iaitu bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Program dipenuhi dengan sesi ceramah daripada dua orang wakil Syarikat Takaful Malaysia Berhad iaitu Encik Md Ridzwan bin Adnan selaku General Manager for Life Insurance dan En Mohd Haikal Hasny selaku Deputy Manager for South Region.

Sepanjang pengisian ceramah yang disampaikan, para pelajar telah didedahkan dengan kepentingan pendidikan tinggi dan jaminan kehidupan masa hadapan. Peluang pekerjaan dalam bidang insurans turut didedahkan dimana kelayakan dalam bidang pendidikan adalah penting untuk menyertai kumpulan agen insurans. Para pelajar juga diberikan motivasi untuk memajukan diri dalam

bidang kerjaya yang akan mereka harungi selepas menamatkan pengajian kelak. Keseluruhan pengisian program adalah sangat membantu pelajar mengetahui dengan lebih mendalam tentang kepentingan takaful dalam kehidupan, keperluan memiliki skim takaful dan menyiapkan diri dengan pendidikan yang cemerlang untuk menceburkan diri di alam pekerjaan kelak.



“FAIRY TALES” DI MAJLIS PRA GRADUAN & ANUGERAH KETUA JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah mengadakan Majlis Pra Graduan & Anugerah Ketua Jabatan pada 24 Ogos 2016 bertempat di Hotel Selesa Pasir Gudang. Seramai 322 orang pelajar semester akhir dan 215 orang pelajar penerima Anugerah Ketua Jabatan diraikan dalam satu majlis yang meriah bertemakan “Fairy Tales”. Majlis ini diserikan dengan paparan multimedia setiap kelas semester akhir, persembahan nyanyian serta 16 cabutan bertuah.

Program ini dianjurkan bersama Persatuan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bagi menyampaikan penghargaan kepada pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang memperolehi Purata Nilai Matapelajaran (PNM) 3.50 dan ke atas pada sesi Disember 2015. Program yang dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Puan Maryati Marzuki ini merupakan salah satu pengiktirafan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dan juga sebagai tanda penghargaan dari pihak Politeknik kepada mereka. Penganugerahan ini juga merupakan salah satu medium menaikkan semangat pelajar untuk terus berusaha dan memberi sumbangan kepada politeknik dalam semua bidang. Bagi pelajar yang bakal menamatkan pengajian mereka pada sesi Jun 2016, program seumpama ini diadakan untuk menghargai dan meraikan usaha dan jerih perih mereka selama bergelar pelajar di Politeknik Ibrahim Sultan.

Kecemerlangan pelajar adalah tunggak kemajuan institusi pengajian. Ini merangkumi kecemerlangan sama ada di dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum. Setiap kecemerlangan dan kejayaan wajar dibanggakan dan dirai untuk memberi penghargaan di atas kejayaan mereka serta memberi semangat dan dorongan sekaligus menjadi pemangkin kepada pelajar yang lain untuk turut berusaha lebih gigih demi mencapai kecemerlangan diri dan seterusnya untuk kegemilangan politeknik itu sendiri.



Gambar kenangan



PESTA INDAHNYA SYAWAL (P.I.S)

Program Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri 2016 yang bertemakan "Pesta Indahnyanya Syawal (P.I.S)" telah berlangsung dengan jayanya di bawah kelolaan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dan Kelab Kebajikan Staf. Pesta Indahnyanya Syawal telah dirasmikan oleh Pengarah Politeknik Malaysia, Datuk Hj. Mohlis bin Jaafar bersama isteri tercinta di Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil. Majlis ini diraikan bersama semua komuniti PIS untuk bersama-sama merasai kenikmatan bulan mulia ini.

Di majlis ini Datuk Hj Mohlis bersama isterinya, diiringi oleh Puan Pengarah, Puan Hjh. Rashidah binti Mustapa mengunjungi semua rumah terbuka jabatan yang dihias oleh pensyarah dan staf PIS. Mereka bukan sekadar sekadar mengunjungi, malah mereka juga menjamah makanan yang telah disediakan di setiap booth, bergambar dan akhirnya kembali kepada tempat VIP untuk menjamu makanan yang telah disediakan khas untuk VIP pada hari tersebut.

Di luar dewan juga begitu rancak suasananya. Warna-warni Aidilfitri jelas kelihatan apabila khemah-khemah pelajar yang disediakan oleh setiap jabatan dihiasi dengan sangat kreatif yang bertemakan "tradisi". Selain itu, tidak dinafikan juga terdapat pelbagai juadah enak dari setiap pelosok Malaysia disusun rapi di atas meja. Antara menu yang telah disediakan ialah kambing golek, nasi kerabu, lontong kering, ayam golek, lemang, mee kolok, kuih-muih, aiskrim, pelbagai jenis minuman dan lain-lain.



Di samping itu, Kelab Bahasa Isyarat Malaysia (KBIM) dan Tari Ujung Tanah (TUT) dengan sukacitanya telah membuat persembahan yang begitu menarik dan memukau setiap penonton yang berada di sekitar kantin. Seperti biasa KBIM berjaya membuat persembahan yang mantap dengan lenggokkan tangan dan emosi yang hebat. Pesta Indahnyanya Syawal PIS 2016 telah dijalankan dengan jaya, meriah dan lancar hasil daripada kerjasama semua pihak Politeknik Ibrahim Sultan. Riang Ria Aidilfitri jelas terpancar apabila melihat semua komuniti PIS beramahmesra untuk mengeratkan silaturahim.



SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA

Sempena menyambut Hari Kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos dan hari Malaysia 16 September 2016, pihak Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) telah merancang serta berjaya melaksanakan beberapa aktiviti sepanjang bulan Ogos dan September bagi meraikan bulan Kemerdekaan pada tahun ini. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah *Colour Run*, Malam Rumpun Bangsa, *Colour Your Independence*, *Video Klip*, *Beautiful of Department* dan Majlis Penutup Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2016.

Colour Run yang telah berlangsung pada 13 Ogos, program ini telah disertai seramai hampir 250 orang pelajar Politeknik Ibrahim Sultan. *Colour Run* merupakan aktiviti larian bersempena dengan perasmian Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia bagi tahun 2016. Program ini dirasmikan oleh Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) En. Noor Azmi bin Hj. Asmawi selaku wakil pengarah.

Seterusnya, program Malam Rumpun Bangsa yang merupakan aktiviti kemuncak bagi Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia tahun 2016 yang merupakan sambutan Ambang Merdeka pada 30 Ogos 2016 di Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil, Politeknik Ibrahim Sultan. Setelah selesai *countdown* jam 12 tengah malam, pengarah PIS, Pn Hjh Rashidah binti Mustapa menyampaikan amanat dan harapan kemerdekaan beliau kepada warga PIS.

Pada 7 September telah diadakan majlis penutup Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia di Galeri CDeC. Penutupan ini telah dirasmikan oleh pengarah PIS, Pn Hjh Rashidah binti Mustapa. Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia telah dijalankan dengan jaya dan lancar hasil daripada kerjasama semua pihak. Diharapkan aktiviti sebegini dapat diteruskan lagi pada setiap tahun agar dapat memupuk semangat patriotisme dan cintakan Negara dalam kalangan setiap warga PIS.



Malam Rumpun Bangsa



Majlis Penutup Bulan kemerdekaan

KARNIVAL SUKANEKA PELAJAR KEMAHIRAN KHAS



Buat julung kalinya Karnival Sukaneka Pelajar Kemahiran Khas telah dianjurkan di Komplek Sukan Politeknik Ibrahim Sultan pada 7 Oktober 2016. Karnival sukaneka ini merupakan program sukan yang melibatkan 68 orang pelajar Sijil Kemahiran Khas dari program Pengurusan Hotel dan Katering, Grafik dan Fesyen dan dibantu oleh 21 orang Ahli Jawatankuasa Sukan. Program ini telah dianjurkan oleh pelajar Sijil Kemahiran Khas Pengurusan Hotel & Katering Semester 3. Ini adalah suatu program untuk memenuhi penilaian subjek SHK3023 Pengurusan Majlis di samping memupuk semangat kesukanan serta kerjasama antara semua pelajar program Sijil Kemahiran Khas yang ada di Politeknik Ibrahim Sultan. Program ini juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar program Sijil Kemahiran Khas terhadap kepentingan bersukan kepada setiap individu. Antara objektif program sukaneka ini adalah untuk merapatkan hubungan silaturrahim antara semua pelajar Sijil Kemahiran Khas dan juga pensyarah yang terlibat serta pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran dan ketrampilan di dalam bidang sukan. Di samping itu, program sukaneka seperti ini juga dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, intelek dan rohani. Program dimulakan pada jam 7.30 pagi dengan acara senamrobik sebagai pemanas badan untuk memastikan semua peserta bersedia melakukan aktiviti yang seterusnya. Antara acara yang diadakan ialah *Blind*

Belalai Gajah, *Blind Water Pour* dan banyak lagi. Para peserta telah dibahagikan kepada enam kumpulan yang mana setiap kumpulan diwakili dengan warna merah, biru, hijau, kuning, merah jambu dan ungu. Setiap kumpulan akan menghantar peserta secara bergilir-gilir untuk menyertai aktiviti yang telah disediakan. Acara kemuncak bagi program ini adalah aktiviti tarik tali yang turut melibatkan pasukan jemputan dari kalangan staf dan pensyarah. Acara tarik tali ini telah dimenangi oleh pasukan jemputan yang diwakili oleh beberapa staf dan pensyarah dari Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta dari Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual. Manakala acara keseluruhan telah dijuarai oleh pasukan hijau, naib juara pasukan biru dan tempat ketiga pasukan merah jambu. Program Karnival Sukaneka Pelajar Kemahiran Khas Politeknik Ibrahim Sultan ini telah dirasmikan oleh Encik Mohd. Amin bin Zakaria merangkap Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Berkat keizinan-Nya serta kerjasama utuh dari pihak politeknik dan unit-unit yang terlibat maka program sukaneka ini telah berjalan dengan lancar dan baik. Adalah diharapkan program seperti ini dapat dianjurkan lagi pada masa hadapan untuk memastikan para pelajar Kemahiran Khas Politeknik akan turut dapat melibatkan diri di dalam aktiviti sukan. Secara tidak langsung, program ini dapat mengelakkan diri mereka daripada merasa tersisih daripada komuniti politeknik.



KEJOHANAN PENCAK SILAT PIALA TIMBALAN PERDANA MENTERI (TPM) 2016

Politeknik Ibrahim Sultan telah mencipta kejutan apabila menempatkan diri dalam kelompok 3 terbaik dalam Silat Seni kategori Regu dalam Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2016 bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan baru-baru ini. Penyertaan julung kali dalam silat seni ini membuktikan bahawa pesilat-pesilat pelapis PIS mampu menyinar dalam kategori yang dipertandingkan. Mohd Syahril Effendi bin Jufri berserta gandingan Mohammad Shafiq bin Syamsul Bahri tangkas mempersembahkan seni bela diri dengan menggunakan 3 jenis senjata berbeza sebelum dinobatkan pemenang pingat gangsa. Kejayaan PIS itu mencatat sejarah baharu apabila penyertaan pertama ini telah membuka mata pelbagai pihak dalam pencarian pelapis untuk SUKMA dan juga pesilat Kebangsaan.

Nyata pengalaman ini pastinya akan memberikan semangat untuk terus memperkukuh silat seni bagi memperoleh kejayaan yang lebih gemilang. Walau bagaimanapun, bagi kategori tanding, pencapaian pesilat PIS kali ini hanyalah pada peringkat suku akhir sahaja. Itupun setelah memberikan tentangan penuh sengit dengan hanya tewas untuk 1 mata sahaja bagi 5 kategori putra dan putri. Pengurus pasukan, Ahmad Zia Md Yusof berkata, persiapan bagi pasukan PIS telah dibuat sejak awal melalui latihan intensif yang terancang. Katanya, pasukan silat PIS juga telah sedaya upaya memberikan pendedahan kepada pihak Majlis Sukan Negeri Johor dalam penghasilan atlet berkualiti tinggi. Kejayaan ini menaikkan lagi semangat pesilat-pesilat PIS untuk terus mencapai kejayaan yang lebih besar.



KEJOHANAN GOLF PIALA KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN PIALA YDP MAJLIS SUKAN POLITEKNIK



Pada 25 September 2016 telah berlangsung Kejuhanan Golf Piala Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Piala YDP Majlis Sukan Politeknik di Bukit Jawi Golf Resort, Pulau Pinang. Pasukan Golf PIS telah berjaya mengekalkan kejuaraan Piala YDP Majlis Sukan Politeknik yang dimenangi sebelum ini buat kali kedua berturut-turut. Kejuhanan Golf ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Dr. Mary Yap Kain Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Politeknik METRO Tasek Gelugor bersama Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan Majlis Sukan Politeknik Malaysia (MSP) adalah penganjur kejuhanan kali ini.

Bagi kejuhanan kali ini hampir semua politeknik menghantar penyertaan bagi kategori pelajar serta juga staf. Ini menunjukkan sukan golf semakin popular bagi warga politeknik Malaysia. Kategori yang dipertandingkan adalah kategori Staf (MEDAL A), Staf (MEDAL B) dan juga pelajar. Bagi kategori staf, Encik Muhammad Yousman bin Thalatha merangkul Naib Johan MEDAL B'. PIS tidak layak bertanding bagi merebut Piala Ketua Pengarah yang memerlukan sekurang-kurangnya 3 pemain bagi mengumpul mata. Politeknik Ibrahim Sultan telah berjaya muncul sebagai Pemenang Piala YDP Majlis Sukan Politeknik untuk kali ke-2 berturut-turut dan membawa pulang Piala Pusingan Politeknik Ibrahim Sultan dengan mengumpul 107 mata melalui 3 orang pemain yang mengumpul mata tertinggi iaitu Amirul Aizuddin (36pts), Muhammad Amir Afiq (36pts) dan Aaron Wee (35pts). Hadiah telah disampaikan oleh Ketua Pengarah JPP, YBhg. Datuk Hj Mohlis bin Jaafar.



SEMINAR KECERGASAN DAN KECEMERLANGAN JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA TAHUN 2016

Seminar Kecergasan dan Kecemerlangan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Tahun 2016 telah dilaksanakan di Politeknik Ibrahim Sultan. Program ini diselenggarakan oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK), Politeknik Ibrahim Sultan bersama pihak Jabatan MAQIS. Objektif penganjuran seminar ini adalah untuk menggilap bakat mengikut setiap jenis sukan dalam kalangan kakitangan MAQIS dan menggalakkan kakitangan untuk mengamalkan gaya hidup sihat serta memupuk semangat berpasukan dan mampu berkerjasama tanpa mengira pangkat, umur, bangsa dan agama. Seminar ini berlangsung selama lima (5) hari iaitu pada 5 September 2016.

Tempat pelaksanaan seminar ini adalah di Politeknik Ibrahim Sultan, Pasir Gudang, Johor dan Pasir Gudang Bowl, Kompleks Pusat Bandar, Pasir Gudang, Johor (untuk acara bowling). Acara sukan yang dianjurkan ialah sukan Bola Sepak, Bola Jaring, Ping pong, Sepak Takraw, Bola Tampar, Larian MAQIS, batu seremban, Dart dan karom. Peserta seminar adalah terdiri daripada pegawai-pegawai MAQIS yang bertugas di Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat Negeri dar seluruh Malaysia. Jumlah peserta yang terlibat dengan seminar ini adalah seramai 146 orang. Manakala 13 orang sukarelawan bagi program ini adalah daripada Kelab Belia dan Sukan.



MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT RELASIS POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

Seramai 34 Kadet RELA Siswa Siswi (RELASIS), Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah mengadakan Majlis Pemakaian Pangkat yang berlangsung pada 7 September 2016 bertempat di Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil, Politeknik Ibrahim Sultan.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Timbalan Pesuruhjaya RELA Md Shah Rizal Zainal, Pengarah RELA Negeri Johor bersama Pengarah Politeknik Ibrahim Sultan Timbalan Pesuruhjaya RELA (BERSEKUTU) Pn Hjh Rashidah binti Mustapa merangkap Komandan RELASIS Politeknik Ibrahim Sultan.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraikan para anggota RELASIS PIS yang telah bersama dengan pasukan sejak ditubuhkan pada tahun 2014. Majlis pemakaian pangkat RELASIS PIS adalah merupakan yang pertama kali diadakan di PIS. Majlis ini telah diselaraskan oleh 5 orang pensyarah RELASIS yang dibantu oleh Seorang Penyelaras RELASIS dan 5 orang jurulatih. Diharapkan Kadet RELASIS yang ditauliahkan ini akan terus berkhidmat sebagai sukarelawan RELA untuk memantapkan semangat kesukarelawan, patriotisme, meningkatkan tahap disiplin dan membina semangat bekerjasama dalam pasukan.



Perbarisan Kerhormat
Anggota RELASIS



Tabik Hormat



Bacaan doa



Ucapan Aluan dari Komandan
RELASIS PIS



Ucapan Perasmian Pengarah
RELA Negeri Johor








Penyampaian cenderahati
kepada VIP







Sesi bergambar anggota bersama ahli jawatankuasa







**SIDANG REDAKSI
LAPORAN PIS
2016**





SIDANG REDAKSI

Penaung:

Hajah Rashidah binti Mustapa

Penasihat:

Haji Abd Razak bin Senan
Noor Azmi bin Haji Asmawi

Ketua Editor:

Baniamin bin Abu Bakar

Editor:

En Nordin bin Zakariah
Pn Zuraidah binti Mohd Ramly
Pn Alyyati binti Mohd Talib
Pn Asniza binti Abu Bakar
Pn Izzati Izni binti Ab Lazis
Mahani Wati binti Mohd Nata




Fotografi:

Wan Mohd Nizam bin Md. Salleh

Pereka Grafik:

Nurul Nadhirah binti Ghazali



The background features several thin, parallel lines in the upper left quadrant, sloping downwards from left to right. Scattered throughout the page are various geometric shapes, including triangles of different sizes and orientations, and a complex, multi-faceted polyhedron in the bottom left corner. The overall aesthetic is minimalist and geometric.

PENERAJU ILMU SEJAGAT

